



Submission: 30/08/2021      Accepted: 07/09/2022      Published: 29/09/2022  
DOI: 10.33102/abqari.vol27no1.405

## PEMAHAMAN DAN PENERIMAAN GOLONGAN SARJANA ISLAM MENGENAI KONSEP PLURALISME AGAMA: SATU SOROTAN LITERATUR

*Understanding and Acceptance Islamic Scholars on Religious Pluralism: A Literature Review*

Earnie Elmie Hilmi<sup>a1</sup>, Mohd. Sohaimi Esa<sup>a2</sup>, Habibah Artini Ramlie<sup>a3</sup>, Syamsul Azizul Marinsah<sup>a4</sup> dan Saifulazry Mokhtar<sup>a5</sup>

<sup>a</sup>Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>earnie@ums.edu.my

<sup>2</sup>msohaimi@ums.edu.my

<sup>3</sup>habibah\_artini@ums.edu.my

<sup>4</sup>syamsulazizul@ums.edu.my

<sup>5</sup>saifulzary.mokhtar@ums.edu.my

### Abstract

Religious pluralism is a growing trend in Malaysian society's thinking. Acceptance of this trend varies depending on how one defines religious pluralism. Through a review of the tradition or narrative literature, this study used qualitative approach using content analysis to analyze society's, particularly the scholar's understanding of religious pluralism. The findings of the literature review show that scholars view divided into three groups, accept, middle group and reject. Accept group acknowledge religious pluralism in the meaning of religious diversity, religious tolerance, inter-faith dialogue and religious freedom. The middle group acknowledge religious pluralism conditionally, that is, they accept the meaning in the term of religious diversity but disagree with the idea of equalizing all religions truth and lastly the group that refuses to accept the meaning of religious pluralism in the meaning of generalizing all religions truth.

Keywords: Religious pluralism; scholars; religious diversity

### Abstrak

Pluralisme agama merupakan satu aliran yang muncul dalam pemikiran masyarakat Malaysia. Penerimaan terhadap aliran ini berbeza mengikut pemahaman masing-masing terhadap definisi pluralisme agama. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan untuk menganalisis kefahaman dan penerimaan masyarakat terutamanya sarjana terhadap pluralisme agama melalui kajian literatur tradisi atau naratif yang dilakukan. Hasil daripada kajian literatur menunjukkan pandangan golongan sarjana terbahagi kepada tiga kelompok iaitu menyokong, pertengahan dan menolak. Golongan yang menerima pluralisme agama, mereka menerima dalam erti kepelbagaian agama, toleransi agama, dialog antara agama dan kebebasan beragama. Golongan pertengahan menerima pluralisme agama secara bersyarat iaitu menerima maksud erti kepelbagaian agama tetapi menolak maksud fahaman menyamaratakan kebenaran semua agama dan golongan yang terakhir ialah mereka yang menolak fahaman pluralisme agama dalam maksud menyamaratakan kebenaran semua agama.

Kata kunci: Pluralisme agama; sarjana; kepelbagaian agama.

### PENGENALAN

Pluralisme agama merupakan isu yang tidak asing dalam masyarakat Malaysia. Istilah penggunaannya menjadi polemik dalam kalangan masyarakat termasuklah para sarjana sama ada di luar ataupun dalam kalangan masyarakat Malaysia. Permasalahan istilah ini menjadi isu di kalangan masyarakat di Malaysia kerana pemahaman konsep pluralisme agama yang berbeza. Perbezaan tersebut mencetuskan polemik dalam masyarakat. Hasil daripada perbezaan pemahaman pluralisme agama ini, dapat disimpulkan bahawa sarjana di Malaysia terbahagi kepada beberapa kelompok pendapat iaitu yang menyokong, menolak dan golongan pertengahan. Bagi yang menyokong pluralisme agama, mereka berpendapat pluralisme agama ialah fahaman yang dalam erti kepelbagaian agama, toleransi agama, dialog antara agama dan kebebasan beragama. Golongan pertengahan pula menerima pluralisme agama tetapi penerimaan yang bersyarat iaitu menerima dalam erti kepelbagaian agama dan menolak fahaman yang menyamaratakan semua agama dan menuju kepada kebenaran Tuhan yang sama. Manakala golongan sarjana yang menolak pluralisme agama berdasarkan kepada pluralisme agama merupakan satu fahaman yang menyamaratakan semua agama dan menuju kepada kebenaran dan Tuhan yang sama. Pendefinisan pluralisme agama dalam maksud sebegini menyalahi pegangan akidah agama Islam.

## Definisi Pluralisme agama

Perkataan pluralisme agama berasal daripada dua perkataan Bahasa Inggeris iaitu *religious* dan *pluralism*. Perkataan *religious* bermaksud keagamaan yang berasal dari perkataan agama. Definisi agama menurut kamus umum seperti *Kamus Dewan* (2015) edisi keempat ialah;

- i) Kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahNya, kepercayaan pada yang Maha Kuasa
- ii) Kepercayaan pada sesuatu dewa dan lain-lain (yang dipuja dan sebagainya dan dianggap sebagai sesuatu yang amat berkuasa).

Manakala *Little Oxford English dictionary* (2002) pula mendefinisikan *religion* (agama) dengan;

- i) kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan atau banyak Tuhan
- ii) Sistem tertentu berkenaan dengan kepercayaan dan penyembahan

Perkataan *pluralism* sebagaimana dalam *Dictionary of Philosophy* (1996: 290) didefinisikan sebagai *the general tolerance of different kind of things* (sikap toleransi umum dalam perbezaan sesuatu). Laman web `Merriam Webster` merujuk maksud pluralisme kepada beberapa maksud, antaranya ialah masyarakat yang terdiri daripada kepelbagaian etnik, kaum, agama atau kumpulan sosial yang mengekalkan dan membangunkan budaya tradisi mereka atau kepentingan khas dalam lingkungan tamadun yang sama (<https://www.merriam-webster.com/dictionary/pluralism>). Mujahid (2014) mendefinisikan pluralisme dengan kepelbagaiannya atau kemajmukan yang merupakan satu kejadian alam yang membuktikan tanda-tanda kebesaran Allah dengan kewujudan kejadian alam, haiwan dan manusia dalam pelbagai bentuk, pelbagai rupa dan pelbagai pilihan.

Definisi pluralisme diterima baik oleh masyarakat Islam termasuklah para sarjana, tetapi apabila pluralisme digabungkan dengan istilah agama yang membawa maksud sebagai penerimaan keabsahan (kebenaran) agama lain atau menyamaratakan semua agama, perkara ini menjadi pertikaian majoriti umat Islam di Malaysia (Mohd Farid 2012; Nur Farhana et al. 2019). Pendefinisian pluralisme agama yang ditolak boleh dilihat dalam pendefinisian John Hick (1987) sebagai:

“...the term refers to a particular theory of the relation between these traditions, with their different and competing claims. This is the theory that the great world religions constitute variant conceptions and perceptions of, and responses to, the one ultimate, mysterious divine reality...the view that

the great world faiths embody different responses to, the Real or the Ultimate, and within each of them independently the transformation of human existence from self-centeredness to reality-centeredness is taking place”.

‘Internet Encyclopedia of Philosophy’(<https://iep.utm.edu/reli-div/>) mendefinisikan *religious pluralism* di bawah subjek *religious diversity*. Definisi dari Legenhause (2009) digunakan untuk mendefinisikan *religious pluralism*. Beliau menyatakan bahawa pluralisme agama ini ialah: ‘A theory of religious pluralism says that all religions of some kind are the same in some valuable respect(s). While this is compatible with some religion being the best in some *other* respect(s), the theorists using this label have in mind that many religions are equal regarding the central value(s) of religion’.

Pendefinisian pluralisme agama dalam maksud menerima keabsahan (kebenaran) agama lain atau menyamaratakan semua agama yang tidak diterima oleh masyarakat Islam termasuklah para sarjana. Siddiq (2016) menyatakan, istilah pluralisme agama sebagaimana gagasan John Hick yang menerima keabsahan (kebenaran) atau menyamaratakan semua agama menjadi pertikaian dalam masyarakat Islam.

Selain daripada itu, kekeliruan definisi pluralisme agama disebabkan oleh terma pluralisme agama bersifat kefalsafahan yang mana tidak ramai pemimpin agama memahaminya. Perkara ini dipersetujui oleh Mohd Farid (2012), beliau mengatakan masyarakat umum juga tidak memahami istilah kefalsafahan pluralisme agama ini sehingga menyebabkan berlakunya salah faham pendefiniannya. Manakala pemimpin agama Islam dan Kristian menerima kepelbagaian agama tetapi tidak menerima konsep penyamarataan antara agama Islam dan Kristian. Penolakan ini berdasarkan kepada kitab suci dan konsep teologi yang berbeza (Nur Farhana 2019). Kajian ini akan mengkaji pemahaman dan penerimaan pluralisme agama dalam kalangan sarjana.

## **PEMAHAMAN DAN PENERIMAAN PLURALISME AGAMA DALAM KALANGAN SARJANA**

Pemahaman dan penerimaan pluralisme agama dalam kalangan sarjana Malaysia berdasarkan kepada definisi pluralisme agama itu sendiri. Disebabkan perkara tersebut, pemahaman dan penerimaan pluralisme agama oleh sarjana terbahagi kepada beberapa kelompok iaitu yang menerima, golongan pertengahan dan menolak.

### **1. Menerima pluralisme agama**

Bagi sarjana yang menerima pluralisme agama, mereka berpendapat pluralisme agama adalah satu fahaman dalam erti kepelbagaian agama (Hussin 2007; Chandra 2014), toleransi agama, dialog antara agama (Yeoh Seng Guan 2005, Osman 2009,

Mohamed Fauzi 2011 dan Rahimin et al. 2011) dan kebebasan beragama (Anwar 2010). Bagi sarjana-sarjana ini, pluralisme agama ialah sekumpulan individu penganut pelbagai agama hidup bersama secara harmoni dan menerima nilai serta prinsip agama anutan masing-masing yang berbeza.

Pluralisme agama menurut Chandra (2014) ialah:

Living in harmony with nature and environment, protecting the integrity of the family as the basic unit of society, respecting one's elder, ensuring leadership is virtuous and adhering to moral precepts in economic activities, would be some of the values and principles that are embodied in all religious philosophies. Accepting similarities at one level while acknowledging differences in other spheres is what defines religious pluralism.

Sokongan penerimaan terhadap definisi pluralisme agama dalam maksud sedemikian berdasarkan kepada beberapa perkara, antaranya ialah (Osman Bakar 2009; Mohamed Fauzi 2011; Rahimin Affandi et al. 2011):

- i. Pluralisme agama menyelesaikan permasalahan perbezaan antara agama-agama.
- ii. Menerima ciri-ciri positif pluralisme agama antaranya ialah keterlibatan semua pemeluk agama dalam usaha memahami perbezaan dan persamaan untuk mencapai kerukunan.
- iii. Menerima kepelbagai agama tidak menghilangkan jatidiri terhadap agama yang dianuti.
- iv. Agama Islam menerima konsep kepelbagai sebagaimana dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

‘Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)’.

Golongan ini menerima pluralisme agama kerana bagi sarjananya, pluralisme agama dalam maksud kepelbagaian agama, toleransi agama, dialog antara agama dan kebebasan beragama tidak bertentangan dengan agama.

## 2. Golongan pertengahan

Para sarjana yang berada di golongan pertengahan menerima konsep pluralisme agama tetapi penerimaan mereka bersyarat seperti Muhammad Uthman El-Muhammady (2012), Mohd Farid (2012) dan Mohd. Asri (2014). Mereka menerima pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama tetapi menolak pluralisme agama dalam maksud fahaman John Hick dan sekutunya iaitu semua agama sama nilaiannya di sisi Tuhan, kebenaran dikongsi secara bersama atau kebenaran itu relatif. Bagi golongan ini mereka percaya dengan kewujudan pelbagai bangsa, suku dan agama dalam sesebuah masyarakat terutamanya di Malaysia. Namun, disebalik kepelbagaian mereka ini tetap utuh dengan pegangan akidahnya (Mohd Farid 2012).

Menurut Muhammad Uthman (2012):

“Adapun pluralisme agama dalam erti adanya beberapa agama dalam sebuah negeri (*sheer fact of pluralism*) seperti yang diistilahkan dalam Universiti Harvard dan laman webnya, dan yang disyaratkan dalam Perlembagaan Malaysia, yang itu tidak ada masalah pada pandangan kita”.

Syarat-syarat penerimaan definisi pluralisme agama tersebut antaranya ialah (Muhammad Uthman El-Muhammady 2012; Mohd Farid 2012):

- i. Memahami konsep pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama.
- ii. Tidak menganggap semua agama mempunyai kebenaran yang sama.
- iii. Menerima keabsahan (kebenaran) agama lain.
- iv. Berpegang teguh dengan akidah agama Islam.

## 3. Menolak pluralisme agama

Golongan yang menolak pluralisme agama berpendapat bahawa pluralisme agama merupakan satu fahaman yang memandang agama adalah sama dan menuju Tuhan yang sama (Wan Adli 2012, Anis Malik 2014 dan Khalif Muammar 2015). Mereka menolak konsep pluralisme agama dalam maksud toleransi agama (Anis Malik 2014; Khalif Muammar 2015), dialog antara agama (Wan Adli 2012) dan kepelbagaian agama (Khalif Muammar 2015).

Penolakan pluralisme agama dalam maksud sedemikian kerana bagi golongan sarjana ini, berdasarkan kepada beberapa faktor. Antaranya ialah (Wan Adli 2012; Anis Malik 2014 dan Khalif Muammar 2015):

- i. Kebenaran mutlak tidak dimiliki oleh mana-mana agama.
- ii. Menyamaratakan kebenaran semua agama.
- iii. Menganjurkan kebebasan beragama.
- iv. Menuju Tuhan yang sama.
- v. Mengelirukan umat Islam.
- vi. Bercanggah dengan akidah dan Syariah umat Islam.

Ketidaksepakatan dalam pemahaman pendefinisan pluralisme agama menyebabkan perbezaan ini berlaku. Perkara ini turut dipersetujui oleh Nur Farhana (2019), dalam kajiannya beliau menyatakan: “konsep kepelbagaian agama dan kesatuan agama membawa maksud yang berbeza kepada orang yang berbeza mengikut persepsi dan pandangan masing-masing terhadap istilah tersebut”. Pada dasarnya, konsep pluralisme agama difahami dalam erti toleransi agama namun, kecenderungan tokoh pemikir terkini yang mendefinisikan pluralisme agama dalam erti menyamaratakan semua agama telah menimbulkan kontroversi dalam dunia pemikiran Islam kerana konsep sebegini menyalahi akidah dan Syariah Islamiah (Nur Farhana et .al 2012).

### **Isu-isu pluralisme agama**

Selain daripada pertikaian pendefinisan pluralisme agama, isu-isu dalam pluralisme agama juga memainkan peranan penting dalam pemahaman dan penerimaan pluralisme agama di kalangan sarjana di Malaysia. Isu-isu dalam pluralisme agama di Malaysia yang telah disenaraikan oleh para sarjana antaranya ialah isu murtad (Yusri 2012, Mohd Aizam 2015) dan cinta rentas agama (Yusri 2012, Mohamed Sabir et.al 2013), Penubuhan IFC (Interfaith Commission/Suruhanjaya antara agama) (Wan Adli 2012, Yusri 2012, Latifah et.al 2012, Mohd aizam 2015, Ahmad Redzuan et.al 2017), penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam (Wan Adli 2012, Yusri 2012, Latifah et.al 2012, Mohd Sani 2014), perkongsian perayaan (Yusri 2012, Mohamed Sabir et .al 2013, Mohd Aizam 2015) dan acara keagamaan, isu pengharaman yoga bagi bukan Islam, mengucapkan salam kepada bukan Islam dan penggunaan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis oleh orang bukan Islam dalam ucapan-ucapan politik (Yusri 2012) kebebasan beragama, isu pertikaian perkara 121 (1A) (Latifah et al. 2012, Mohd Aizam 2015 dan Earnie Elmie et al. 2019) dan nilai kesamarataan agama (Ahmad et al. 2021).

Ini adalah isu-isu dalam pluralisme agama yang telah disenaraikan oleh para sarjana yang tidak menerima konsep pluralisme agama dalam erti menyamaratakan kebenaran semua agama. Isu-isu ini dibimbangi membawa kepada penerimaan konsep

pluralisme agama dalam erti menerima keabsahan (kebenaran) semua agama oleh masyarakat Islam. Sebagai contoh, penubuhan Interfaith Commission Malaysia (IFC) mencetuskan kontroversi berikutan agenda tuntutannya berkenaan kebebasan menukar agama. Perkara sebegini membimbangkan masyarakat Islam berikutan wujudnya unsur menyamaratakan semua agama yang mana tidak bersesuaian diamalkan di Malaysia (Ahmad Redzuan et.al 2017). Perkara ini boleh menyebabkan berlakunya perselisihan antara penganut agama Islam dengan penganut-penganut agama lain. Penubuhan IFC tidak berjaya diteruskan kerana mendapat tantangan, disebabkan itu wujudnya Majlis Perundingan Agama (MPI) dan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) untuk mengantikan IFC dalam menjaga perhubungan kaum di Malaysia (Muhammad Rashidi 2017).

Manakala isu penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat bukan Islam, menurut Mohd Sani Badron (2012) dan Muhammad Ariffin (2013) penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat Islam dikhawatir digunakan untuk menyebarkan fahaman pluralisme agama melalui konsep global teologi iaitu menyamaratakan pegangan konsep Tuhan melalui penggunaan kalimah Allah. Isu-isu lain seperti kebebasan beragama, murtad, pengharaman yoga dan sebagainya juga membimbangkan sarjana dalam penerimaan pluralisme agama dalam erti penyamarataan kebenaran semua agama.

## KESIMPULAN

Hasil daripada kajian literatur menunjukkan pemahaman dan penerimaan para sarjana terhadap pluralisme agama di kalangan sarjana di Malaysia terbahagi kepada beberapa kelompok. Kelompok yang menerima pluralisme agama dalam erti kepelbagaiannya agama, toleransi agama, dialog antara agama dan kebebasan beragama, menerima pluralisme agama secara bersyarat iaitu menerima dalam erti kepelbagaiannya agama tetapi menolak maksud pluralisme agama fahaman menyamaratakan semua agama dan kelompok yang menolak fahaman pluralisme agama. Setiap kelompok sarjana mempunyai hujah masing-masing mengenai pluralisme agama sama ada menerima, penerimaan bersyarat atau menolak. Penerimaan dan penolakan mereka ini berdasarkan kepada pemahaman terhadap istilah atau definisi perkataan pluralisme agama itu sendiri. Isu-isu dalam pluralisme agama seperti di atas juga memainkan peranan penting dalam pemahaman dan penerimaan sarjana terhadap konsep pluralisme agama terutamanya kepada kelompok sarjana yang menerima secara bersyarat dan menolak.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan dari Dana Geran Dalaman Seed Money (TPB1908), Universiti Malaysia Sabah.

## RUJUKAN

- Ahmad Redzuan Mohamad, Samsu Adabi Mamat dan Mohd Azmi Mohd Razif. (2019). Commission Malaysia: Analisis ke atas penubuhannya dalam merealisasikan keharmonian Agama di Malaysia: Interfaith Commission Malaysia: An Analysis of its Establishment in Realizing Religious Harmony in Malaysia. *Al-'Abqari Journal*, 11(1), 77-93. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol11no1.112>.
- Anis Malik Thoha. (2005). *Tren pluralisme agama: Satu tinjauan kritis*. Jakarta: Perspektif.
- Anwar Ibrahim. (2010). <https://blogtraditionalislam.files.wordpress.com/2010/04/public-lecture-by-anwar-ibrahim-at-the-london-school-of-economics1.pdf> (22 Jun 2018).
- Anwar Ibrahim. (2019). *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/25585/BERITA/Politik/Tunduk-kepada-golongan-elit-bandar-punca-sokongan-merosot-kata-Anwar> 27 April.
- Chandra Muzaffar. (2014). Understanding liberalism and religious pluralism. <Http://www.thestar.com.my/news/nation/2014/11/05/understanding-liberalism-and-religious-pluralism>.
- Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh dan Nur Farhana Abdul Rahman. (2019). Isu-isu pluralisme agama dalam tuntutan comango: Satu analisis terhadap laporan 2013 dan 2018. *International Journal of Islamic Thought*. Jil. 15. 35-43. [http://journalarticle.ukm.my/14023/1/IJIT-Vol-15-June-2019\\_4\\_35-43.pdf](http://journalarticle.ukm.my/14023/1/IJIT-Vol-15-June-2019_4_35-43.pdf).
- Cambridge Dictionary. 1995. <Https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english>.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Wan Ariffin Wan Yon dan Suraya Sintang. (2014). Toleransi dan pluralisme menurut pengalaman masyarakat Bidayuh. *Jurnal Usuluddin*, 40, 99-134. Retrieved from <Https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7485>.
- Khalif Muammar A. Harris. (2015). *Islam dan pluralisme agama: Memperkuat tawhid di zaman kekeliruan*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Latifah Abdul Majid, Mazlan Ibrahim, Muhd Najib Abd Kadir, Jaafary Awang, Fadlan Mohd Othman, Azalina Tatar dan Aizuddin Hakim Mohd Yusof. 2012. Ancaman inklusifisme agama terhadap akidah Islamiyyah. Dlm Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Fadlan Mohd Othman. *Islam liberal: Isu dan reaksi*. Hlm 17-34. Selangor: Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor.
- Mohammad Ariffin Ismail. 2006. *Cabarakan akidah: Pemikiran Islam liberal*. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Mohamed Fauzi Yaacob. 2011. The challenge of religious pluralism in Malaysia. <Http:// www.iop.or.jp/Documents/1121/Journal21Yaacob.pdf> (21 Julai 2016).

- Mohd Aizam Bin Mas'od. (2015). *Diskusi isu akidah dan pemikiran semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd. Asri Zainul Abidin. (2014). Pluralisme agama. [Https:www.facebook.com/ DrMAZA/ posts/ 10152893486567990](https://www.facebook.com/DrMAZA/posts/10152893486567990) (11 Mac 2017).
- Mohd Farid Mohd Sharif. (2012). *Maaf... Tuhan kita tidak sama: Mengulas isu interaksi agama di Malaysia*. Kedah: Bitara Media.
- Mohamed Sabir Jamaludin, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, Mohd Al'ikhsan Ghazali dan Azizi Shukri Abdul Shukor. (2013). Respon ulama kontemporer menanggapi beberapa isu dalam pluralisme Agama di Malaysia. *TOLERANSI: Media Ilmiah Komunikasi Umat Beragama* 5 (2): 101-106. <http://ejournal.uin-suska.ac.id/index.php/toleransi/article/viewFile/63/53>.
- Muhammad Rashidi Wahab. (2017). Pemikiran liberalisme dalam wacana agama dan ancamannya di Malaysia. Kerta kerja Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-9. Anjuran MUAFAKAT, JAKIM, MAIWP. Putrajaya, 17 Januari.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). Beberapa isu dalam pluralisme agama- Satu pengamatan ringkas. Dlm. *Pluralisme agama: Satu gerakan iblis memurtadkan ummah*, hlm 119-138. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.
- Mujahid Yusof Rawa. (2014). Islam dan pluralisme. [Http:// www.Sinarharian.com.my/karya/pendapat/islam-dan-pluralisme-1.331115](http://www.Sinarharian.com.my/karya/pendapat/islam-dan-pluralisme-1.331115) (5 Mei 2017).
- Nur Farhana Abdul Rahman, Mohd Nasir Omar dan Idris Zakaria. (2012). Faham pluralisme Agama dan Percanggahannya dengan Akidah dan Syari'ah Islamiyah. Dlm. *Pluralisme agama: Satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 97-118. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.
- Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Nur Solehah Shapiee, Nur Ashilah Kahar. (2019). Pendefinisian pluralisme agama dalam konteks Malaysia. *Islamiyyat*, 41(2): 61-70 (<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2019-4001-07>).
- Osman Bakar. (2009). Islam and the challenge of diversity and pluralism: Must Islam reform Itself? [http://www.iais.org.my/icr/index.php/icr /article/view/246/239](http://www.iais.org.my/icr/index.php/icr/article/view/246/239).
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd. Anuar Ramli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2011. Dialog antara agama: Realiti dan prospek di Malaysia. [Web.usm.my/km/29\(2\) 2011/arts\\_km29-2.pdf](http://Web.usm.my/km/29(2) 2011/arts_km29-2.pdf) (7 Mac 2018).
- Siddiq Fadzil. (2016). *Pembinaan bangsa: Kepelbagaiannya dalam bingkai kesatuan*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Wan Adli Wan Ramli. (2012). *Bahaya liberalisme dan pluralisme agama terhadap akidah belia Muslim*. Johor Bharu: Sekretariat menangani isu-siu akidah dan

Syariah Majlis Agama Islam Negeri Johor.

- Yeoh Seng Guang. (2005). Managing sensitivities: Religious pluralism, civil society and inter-faith relations in Malaysia. *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs*. **94** (382): 629-640 <http://dx.doi.org/10.1080/00358530500303700>.
- Yusri Mohamad. (2012). Ancaman pluralisme agama di Malaysia: Satu tinjauan awal. Dlm *Pluralisme agama: Satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.